

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ  
SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**  
**TARIKH : 06 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan maklumat berhubung wang yang telah dibelanjakan dan peruntukan yang belum dibelanjakan menerusi Pakej Bantuan dan Rangsangan Ekonomi PEMULIH sebanyak RM380 bilion yang diumumkan Perdana Menteri ke-8 khususnya manfaat kepada golongan sasar B40 terutamanya di kawasan luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 19 November 2021, daripada keseluruhan lapan (8) Pakej Bantuan dan Rangsangan Ekonomi, sejumlah RM352 bilion telah disalurkan. Dari jumlah ini, lebih 20 juta individu dan 2.4 juta perniagaan di Malaysia telah mendapat manfaat.

Lanjutan itu, bagi memastikan kelangsungan hidup rakyat sentiasa terbela, Kerajaan telah mengumumkan beberapa bentuk bantuan dan sokongan seperti:

1. Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) berjumlah RM9.6 bilion telah memanfaatkan 8.5 juta individu penerima bagi tahun 2021;
2. Bantuan Sara Hidup (BSH) Kerajaan berjumlah RM426 juta telah memanfaatkan 4.2 juta penerima;
3. Bantuan Khas COVID-19 (BKC) kepada isi rumah kategori miskin tegar, B40 dan M40 berjumlah RM3.1 bilion telah memanfaatkan lebih 9 juta penerima;
4. Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP) bagi individu yang kehilangan sumber pendapatan berjumlah RM420 juta ringgit telah memanfaatkan 841 ribu penerima; dan
5. Program Bakul Makanan berjumlah RM150 juta ringgit telah memanfaatkan lebih daripada 600 ribu individu termasuk 63 ribu isi rumah dari kalangan masyarakat Orang Asli; dan
6. Bantuan Barang Dapur berjumlah RM100 juta telah memanfaatkan lebih daripada 216 ribu isi rumah.

Kerajaan turut prihatin akan kebajikan hidup rakyat mendepani tempoh yang sukar ini dengan mengumumkan beberapa bentuk bantuan dan sokongan seperti:

1. Program Klinik Bergerak berjumlah RM40 juta telah diperuntukkan dan RM10 juta kepada tiga (3) buah hospital bagi tujuan penyediaan perkhidmatan klinik bergerak di kawasan PPR dan perumahan awam bagi memudahkan rawatan golongan yang kurang berkemampuan serta pesakit kronik dan uzur;
2. Program Baucar Pelindungan Tenang berjumlah RM50 juta bagi membantu golongan B40 membeli produk takaful hayat dan kemalangan diri;
3. Skim Kesihatan PEKA B40 berjumlah RM50 juta telah memanfaatkan lebih 327 ribu individu;
4. Tabung Cerdik telah dilancarkan bagi memberi peranti kepada pelajar oleh GLIC dan GLC berjumlah RM150 juta telah memanfaatkan lebih 150 ribu pelajar; dan
5. Skim Perlindungan MySalam berjumlah lebih RM61 juta telah disalurkan kepada lebih 127 ribu individu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, terdapat juga bantuan-bantuan lain seperti pembiayaan dan pemberian moratorium pinjaman kepada rakyat bagi memberikan kelegaan segera sepanjang tahun 2021 ini.

Sekian, terima kasih.